

## Kohler Mempamerkan Lapan Produk Rumah Pintar Baharu di CES 2022

KOHLER, Wisconsin, 3 Januari 2022 /PRNewswire/ -- Jenama global terkemuka Kohler, menampilkan lapan produk tambahan kepada portfolio kediaman pintarnya di CES 2022 yang memberi tumpuan dalam meningkatkan kesejahteraan dan menjadikannya lebih mudah bagi orang ramai untuk memperoleh ketenangan fikiran yang merangkumi:

**PerfectFill**, teknologi mandian pintar yang merupakan sebuah penyaliran pintar, pengawal digital/aplikasi dan pengisi mandian. PerfectFill memberikan suhu pilihan dan kedalaman mandian yang diingini melalui arahan suara yang mudah atau melalui aplikasi KOHLER Konnect yang mengurangkan masa yang digunakan untuk memantau mandian ketika ia diisi. PerfectFill yang sebelum ini ditunjukkan sebagai teknologi konsep, akan tersedia untuk pembelian pada bulan Mei 2022.

**Injap dan Kawalan Anthem** – injap digital yang boleh mengendalikan pelbagai saluran keluar dan disepadukan ke dalam aplikasi KOHLER Konnect serta boleh digabungkan dengan pembantu suara dan menawarkan fungsi kawalan aliran dan suhu yang bebas serta unik di setiap saluran keluar. Dipadankan dengan semburan daripada pancuran kepala, pancuran hujan dan semburan badan Statement yang mengasyikkan, Anthem meningkatkan pancuran melalui teknologi dan kejuruteraan yang inovatif.

**Purist Suspend** – kepala paip dapur yang dipasang pada siling ini menampilkan cakera jarak jauh yang menguruskan pengaktifan, suhu dan jumlah air serta hos yang boleh dilaras sepenuhnya dengan putaran 180 darjah.

**Kepala Paip Bilik Mandi Kediaman Tanpa Sentuhan** – Kategori baharu Kohler, kepala paip ini berfungsi melalui pergerakan tangan yang mudah serta menawarkan kawalan suhu dan dikendalikan oleh bateri yang memberikan peningkatan teknologi yang mudah.

**Simpanan Kuasa Kohler** – sebuah sistem penyimpanan tenaga rumah modular yang digabungkan dengan sistem kuasa solar untuk menyediakan akses tenaga solar kepada pemilik rumah tanpa mengira cuaca, masa atau status grid.

**Kotak Kunci Digital IQ Robern** – sebuah kotak kunci pintar yang menawarkan cara yang padat untuk melindungi barangan berharga, ubat-ubatan dan barangan peribadi dengan selamat. Kotak Kunci Digital ini dilengkapi dengan panel pad sentuhan serta aplikasi untuk menetapkan dan melindungi kata laluan anda serta memastikan barangan anda selamat.

Produk tambahan yang ditampilkan ini bakal berada di pasaran pada tahun 2022, termasuk **Mandian Stillness**, suatu pengalaman mandian pelbagai deria yang diilhamkan daripada mandian hutan Jepun dan **H2Wise yang dikuasakan oleh Phyn** iaitu monitor air pintar yang direka untuk mengesan kebocoran serta penggunaan air isi rumah.

Sila lihat [Kit Akhbar CES KOHLER](#).

### Tentang Kohler Co.

Ditubuhkan pada tahun 1873, [Kohler Co.](#) merupakan peneraju global dalam reka bentuk, inovasi dan pembuatan produk dapur dan bilik mandi; produk kabinet mewah, jubin dan pencahayaan; enjin, penjana dan penyelesaian tenaga bersih; dan merupakan pengendali/pemilik dua kemudahan hospitaliti dan destinasi peranginan golf bertaraf lima bintang di Kohler, Wisconsin dan St. Andrews, Scotland.

**Hubungan:**

Vicki Hafenstein  
[Victoria.valdezhafenstein@kohler.com](mailto:Victoria.valdezhafenstein@kohler.com)

Jillian Rosone  
[Jillian.rosone@kohler.com](mailto:Jillian.rosone@kohler.com)